

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN “RHB CASA LUXURY WATCH”
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")**

Pelanggan- pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. Kempen ini **RHB CASA Luxury Watch (“Kempen”)** dianjurkan oleh RHB Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)] dan RHB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)] (secara kolektif, “**RHB**”).

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari 1 Januari 2024 hingga 31 Mei 2024 (“**Tempoh Kempen**”), termasuk kedua-dua tarikh.

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun utama yang layak yang sah dan masih wujud bagi akaun/-i semasa dan simpanan RHB (“ASAS/-i”) yang baharu dan sedia ada (pemastautin dan bukan pemastautin) bagi segmen Perbankan Konsumer (secara kolektif, “**Peserta-Peserta Yang Layak**” atau setiap satu “**Peserta Yang Layak**”).
4. Kempen ini tidak terpakai untuk akaun ASAS/-i berasaskan konsep Syariah Qard, dan akaun Junior (*RHB Future Saver, Junior Savings Account, Easy-Junior Savings dan RHB Children Account-i*)
5. Individu-individu dan entiti-entiti berikut, pemastautin dan bukan pemastautin, adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - (a) individu-individu di bawah umur lapan belas (18) tahun;
 - (b) pekerja-perkerja tetap dan pekerja-pekerja kontrak Kumpulan Perbankan RHB dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka;
 - (c) wakil dan ejen (termasuk agensi pengiklanan dan agensi promosi) RHB dan ahli keluarga terdekat mereka; dan
 - (d) syarikat-syarikat, entiti-entiti komersial dan korporat, milikan-milikan tunggal, perkongsian-perkongsian, pertubuhan-pertubuhan berkebajikan/tanpa untung, persatuan-persatuan dan sekolah-sekolah.

“**Kumpulan Perbankan RHB**” bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad dan sekutu masing-masing, syarikat-syarikat pemegang, syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan berkaitan, pengganti-pengganti dan penerima serah hak.

MEKANISME KEMPEN

6. Peserta-Peserta Yang Layak dikehendaki mendaftarkan penyertaan mereka dalam Kempen ini semasa Tempoh Kempen menggunakan dan menyerahkan Borang 'Pengisytiharan dan Kebenaran' yang lengkap.
7. Untuk berpeluang memenangi ganjaran-ganjaran dan hadiah-hadiah di bawah Kempen ini, Peserta-Peserta Yang Layak mesti memenuhi kriteria-kriteria kelayakan berikut semasa Tempoh Kempen ("**Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen**"):-

Kategori Ganjaran	Pemegangan peletakan ASAS/-i minima	Tempoh Pemegangan Amaun	Dana Baru	Dana Sedia Ada	Bilangan kemenangan	Penyertaan Kempen (Penyertaan Utama)
Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati	RM10,000	4 bulan (120 hari)	✓	×	1 kali	1 penyertaan bagi setiap gandaan RM10,000 dalam jumlah peletakan ASAS/-i
Hadiah Bulanan	Peserta yang Layak yang menyertai Kempen ini dengan pemegangan peletakan minimum pada bulan masing-masing layak untuk mengambil bahagian di bawah kategori ini dengan 1 penyertaan tanpa mengira jumlah peletakan pegangan					

- a) Tempoh Pemegangan ASAS/-i bermaksud jumlah baki ASAS/-i yang dipegang dalam akaun untuk tempoh 120 hari [empat (4) bulan] dari tarikh peletakan mengikut pelaksanaan/ciri Kempen ("Tempoh Pemegangan ASAS/-i"). Hanya produk ASAS/-i layak untuk dipegang, tidak termasuk produk *Multi Currency Account/-i*.
 - b) Peserta yang Layak tidak dibenarkan memegang penempatan dengan Had Overdraft dalam ASAS/-i mereka.
 - c) "Dana baru" merujuk kepada mana-mana wang atau dana yang bukan berasal daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak yang dikekalkan dengan RHB/RHB Islamic sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama dengan orang lain. Peserta Yang Layak mesti membuat penempatan deposit dalam masa tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana dipindahkan atau dikreditkan ke dalam akaun penyertaan Peserta Yang Layak.
8. Peserta yang Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan (yang dinyatakan dalam Klausula 7) di atas akan memperolehi lebih banyak Penyertaan bonus apabila mereka memenuhi kriteria berikut: -

i. Penyertaan Bonus: Baki Purata Bulanan Bertambah pada tahap pelanggan

Penyertaan Bonus	Kriteria Kelayakan	Bilangan Penyertaan
Baki Purata Bulanan Bertambah (MAB) pada tahap pelanggan	Baki MAB Tambahan minima RM10,000 dalam ASAS/-i	2 penyertaan untuk setiap MAB Bertambah RM10,000

- a) Sekiranya Peserta yang Layak mempunyai lebih dari satu (1) ASAS/-i (di mana Peserta yang Layak haruslah pemegang utama ASAS/-i), peningkatan MAB dari setiap akaun yang layak akan digabungkan
- b) Penyertaan bonus akan diberi semasa tempoh kempen dan/atau dalam kitaran terakhir masa 120 hari [empat (4) bulan] tempoh pemegangan.
- c) Baki MAB tambahan Peserta yang Layak ditakrifkan sebagai penjumlahan baki akhir hari harian bagi jumlah ASAS/-i Peserta yang Layak pada bulan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan penyertaan. iaitu Peserta yang Layak menyertai kempen pada 23 Januari 2024, baki akhir hari harian untuk bulan Januari akan dikira dari 1 hingga 31 Januari 2024.
- d) Pengiraan untuk MAB tambahan ditakrifkan sebagai Peserta yang Layak MAB bulan semasa tolak MAB bulan sebelumnya.

- e) Bagi penyertaan ASAS/-i baharu yang didaftar semasa Tempoh Kempen, garis dasar untuk mengira Peningkatan MAB adalah sifar Ringgit Malaysia (RM0).

ii. **Penyertaan Bonus: Transaksi Masuk melalui *Online Banking* pada tahap Akaun**

Penyertaan Bonus	Kriteria Kelayakan	Bilangan Penyertaan
Transaksi Masuk melalui <i>Online Banking</i>	Lakukan transaksi masuk melalui <i>Online Banking</i> minima RM10,000	2 penyertaan untuk setiap transaksi

- a) Transaksi masuk melalui *Online Banking* mesti dibuat ke dalam pegangan ASAS/-i daripada Bank lain dalam tempoh peletakan Peserta Yang Layak. RM10,000 mestilah dalam satu transaksi. Transaksi berasingan / kumulatif TIDAK dibenarkan.

iii. **Penyertaan Bonus: Pelanggan baru/sedia ada kepada segmen RHB**

Penyertaan Bonus	Bilangan Penyertaan Bagi Setiap Segmen
Segmen RHB - Pelanggan baru dan sedia ada RHB Joy@Work - Pelanggan baru dan sedia ada RHB Premier	10 penyertaan (sekali)

- a) Penyertaan bonus akan diberi kepada segmen semasa Tempoh Kempen sahaja.
9. Untuk Penyertaan bonus seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8, ia akan dipenuhi dan dikira satu (1) kali pada akhir Tempoh Kempen.
10. Peserta yang Layak akan menerima pemberitahuan terkini berkala menerusi SMS / e-mel mengenai bilangan Penyertaan Kempen yang diperolehi. Sekiranya Peserta yang Layak sebelum ini tidak memberikan RHB butiran nombor telefon bimbit/ alamat emel mereka apabila membuka ASAS /-i, mereka tidak akan menerima apa-apa pemberitahuan maklumat terkini. Walau bagaimanapun, Peserta yang Layak boleh menghantar atau mengemas kini nombor telefon bimbit/ alamat e-mel mereka dengan mengemukakan permintaan melalui *Secured Message* di *RHB Online Banking* atau hadir ke Cawangan RHB terdekat.
11. Contoh Pengiraan Penyertaan Kempen adalah seperti jadual di bawah:

Senario 1: Pelanggan Premier sedia ada memegang penempatan ke dalam ASAS/-i pada 3 Januari 2024 berjumlah RM1,000,000 dan seterusnya melakukan transaksi untuk meningkatkan MAB. Pelanggan juga melakukan 8 Transaksi Masuk minima RM10,000 per transaksi melalui *Online Banking* dalam tempoh Kempen.

Pelanggan A Bulan Penyertaan	1: Pemegangan peletakan		2: Kelayakan Hadiah Terjamin	3 : Penyertaan Bonus								Jumlah Penyertaan [E] = [A]+[B] + [C]+[D]	
	Pemegangan peletakan ASAS/-i	Bilangan Penyertaan [A]		Baki MAB Tambahan					Transaksi Masuk				Premier / Joy@ Work [D]
				MAB @ bulan sebelumnya	Bulan	MAB Bulan Semasa	Baki MAB Tambahan	Bilangan Penyertaan [B]	Bulan	Jumlah Transaksi Masuk	Bilangan Penyertaan [C]		
Jan-24	RM1M	100	Ya	RM100K	Jan-24	RM1M	RM900K	180	Jan-24	RM50K	10	10	494
				RM1M	Feb-24	RM1.86M	RM860K	172	Feb-24	RM0	0		
				RM1.86M	Mac-24	RM1.94M	RM80K	16	Mac-24	RM0	0		
				RM1.94M	Apr-24	RM500K	RM0	0	Apr-24	RM30K	6		

Bilangan penyertaan yang layak:-

	Item		Amaun	Bilangan Penyertaan
1	Semak 4 bulan (120 hari) tempoh peletakan	✓	RM1M	100
2	Semak Kelayakan Hadiah Terjamin	✓		
3	Semak MAB Bertambah untuk bulan:			
	➤ Januari 2024	✓	+RM900K	180
	➤ Februari 2024	✓	+RM860K	172
	➤ Mac 2024	✓	+RM80K	16
	➤ April 2024	x		
4	Semak Transaksi Masuk			
	➤ Januari 2024	✓	+RM50K	10
	➤ Februari 2024	x	RM0	0
	➤ Mac 2024	x	RM0	0
	➤ April 2024	✓	+RM30K	6
5	Pelanggan baru dan sedia ada RHB Premier/Joy@Work	✓		10
	Total Entries			494

Pelanggan A berpeluang memenangi Hadiah Utama/Hadiah Saguhati dengan 494 penyertaan termasuk penyertaan bonus. Hadiah Terjamin adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat.

Senario 2: Pelanggan Joy@Work sedia ada memegang penempatan ke dalam ASAS/-i pada 12 Februari 2024 berjumlah RM50,000 seterusnya melakukan transaksi untuk meningkatkan MAB. Pelanggan juga melakukan 6 Transaksi Masuk minima RM10,000 per transaksi melalui *Online Banking* dalam tempoh Kempen

Pelanggan B Bulan Penyertaan	1: Pemegangan peletakan		2: Kelayakan Hadiah Terjamin	3 : Penyertaan Bonus								Jumlah Penyertaan [E] = [A]+[B]+ [C]+[D]	
	Pemegangan peletakan ASAS/-i	Bilangan Penyertaan [A]		Baki MAB Tambahan				Transaksi Masuk			Premier / Joy@Work [D]		
				MAB @ bulan sebelum- nya	Bulan	MAB Bulan Semasa	Baki MAB Tambahan	Bilangan Penyertaan [B]	Bulan	Jumlah Transaksi Masuk			Bilangan Penyertaan [C]
Feb-24	RM50K	5	Tidak	RM50K	Feb-24	RM70K	RM20K	4	Feb-24	RM0	0	10	37
				RM70K	Mac-24	RM100K	RM30K	6	Mac-24	RM10K	2		
				RM100K	Apr-24	RM70K	RM0	0	Apr-24	RM40K	8		
				RM70K	Mei-24	RM70K	RM0	0	Mei-24	RM10K	2		

Bilangan penyertaan yang layak:-

	Item		Amaun	Bilangan Penyertaan
1	Semak 4 bulan (120 hari) tempoh peletakan	✓	RM50K	5
2	Semak Kelayakan Hadiah Terjamin	x		
3	Semak MAB Bertambah untuk bulan:			
	➤ Februari 2024	✓	+RM20K	4
	➤ Mac 2024	✓	+RM30K	6
	➤ April 2024	x		
	➤ Mei 2024	x		
4	Semak Transaksi Masuk			
	➤ Februari 2024	x	RM0	
	➤ Mac 2024	✓	+RM10K	2
	➤ April 2024	✓	+RM40K	8
	➤ Mei 2024	✓	+RM10K	2

5	Pelanggan baru dan sedia ada RHB Premier/Joy@Work	✓		10
	Total Entries			37

Pelanggan B berpeluang memenangi Hadiah Utama/Hadiah Saguhati dengan 37 penyertaan termasuk penyertaan bonus.

Senario 3: Pelanggan Baru Kepada Bank yang membuka ASAS/-i baharu dan memegang penempatan ke dalam ASAS/-i pada 13 Mac 2024 berjumlah RM200,000 dan seterusnya melakukan transaksi untuk meningkatkan MAB

Pelanggan C Bulan Penyertaan	1: Pemegangan peletakan		2: Kelayakan Hadiah Terjamin	3 : Penyertaan Bonus						Premier / Joy@ Work [D]	Jumlah Penyertaan [E] = [A]+[B]+ [C]+[D]		
	Pemegangan peletakan ASAS/-i	Bilangan Penyertaan [A]		Baki MAB Tambahan				Transaksi Masuk					
				MAB @ bulan sebelumnya	Bulan	MAB Bulan Semasa	Baki MAB Tambahan	Bilangan Penyertaan [B]	Bulan			Jumlah Transaksi Masuk	Bilangan Penyertaan [C]
Mac-24	RM200K	20	Tidak	0	Mac-24	RM200K	RM200K	40	Mac-24	RM0	0	0	64
				RM200K	Apr-24	RM150K	RM0	0	Apr-24	RM0	0		
				RM150K	Mei-24	RM170K	RM20K	4	Mei-24	RM5K	0		
				RM170K	Jun-24	RM170K	RM0	0	Jun-24	RM0	0		

Bilangan penyertaan yang layak:-

	Item		Amaun	Bilangan Penyertaan
1	Semak 4 bulan (120 hari) tempoh peletakan	✓	RM200K	20
2	Semak Kelayakan Hadiah Terjamin	×		
3	Semak MAB Bertambah untuk bulan:			
	➤ Mac 2024	×		
	➤ April 2024	✓	+RM20K	4
	➤ Mei 2024	×		
	➤ Jun 2024			
4	Semak Transaksi Masuk			
	➤ Mac 2024	×	RM0	
	➤ April 2024	×	RM0	
	➤ Mei 2024	×	RM0	
	➤ Jun 2024	×	RM0	
5	Pelanggan baru dan sedia ada RHB Premier/Joy@Work	×		
	Total Entries			64

Pelanggan C berpeluang memenangi Hadiah Utama/Hadiah Saguhati dengan 64 penyertaan termasuk penyertaan bonus.

Senario 4: Pelanggan Joy@Work sedia ada memegang penempatan ke dalam ASAS/-i pada 20 Januari 2024 berjumlah RM2,000,000 dan RM300,000 pada 15 Februari 2024. Seterusnya melakukan transaksi untuk meningkatkan MAB dan melakukanc 1 Transaksi Masuk minima RM10,000 melalui *Online Banking* dalam tempoh Kempen.

Pelanggan D Bulan Penyertaan	1: Pemegangan peletakan		2: Kelayakan Hadiah Terjamin	3 : Penyertaan Bonus								Premier / Joy@ Work [D]	Jumlah Penyerta -an [E] = [A]+[B]+ [C]+[D]
	Pemegangan peletakan ASAS/-i	Bilangan Penyertaan [A]		Baki MAB Tambahan				Transaksi Masuk					
				MAB @ bulan sebelumnya	Bulan	MAB Bulan Semasa	Baki MAB Tambahan	Bilangan Penyertaan [B]	Bulan	Jumlah Transaksi Masuk	Bilangan Penyertaan [C]		
Jan-24	RM2M	200	Ya	RM500K	Jan-24	RM2.0M	RM1.5M	300	Jan-24	RM0	0	10	610
				RM2M	Feb-24	RM2.5M	RM500K	100	Feb-24	RM0	0		
				RM2.5M	Mac-24	RM2.0M	RM0	0	Mac-24	RM0	0		
				RM2.0M	Apr-24	RM2.0M	RM0	0	Apr-24	RM0	0		
Feb-24	RM300K	30	Tidak	RM2.0M	Feb-24	RM2.5M	RM500K	100	Feb-24	RM0	0	10	242
				RM2.5M	Mac-24	RM2.0M	RM0	0	Mac-24	RM0	0		
				RM2.0M	Apr-24	RM2.0M	RM0	0	Apr-24	RM0	0		
				RM2.0M	Mei-24	RM2.5M	RM500K	100	Mei-24	RM10K	2		

Bilangan penyertaan yang layak untuk penempatan pegangan pertama:-

	Item		Amaun	Bilangan Penyertaan
1	Semak 4 bulan (120 hari) tempoh peletakan	✓	RM2M	200
2	Semak Kelayakan Hadiah Terjamin	✓		
3	Semak MAB Bertambah untuk bulan:			
	➤ Januari 2024	✓	+RM1.5M	300
	➤ Februari 2024	✓	+RM500K	100
	➤ Mac 2024	✗	RM0	
	➤ April 2024	✗	RM0	
4	Semak Transaksi Masuk			
	➤ Januari 2024	✗	RM0	
	➤ Februari 2024	✗	RM0	
	➤ Mac 2024	✗	RM0	
	➤ April 2024	✗	RM0	0
5	Pelanggan baru dan sedia ada RHB Premier/Joy@Work	✓		10
	Total Entries			610

Bilangan penyertaan yang layak untuk penempatan pegangan kedua:-

	Item		Amaun	Bilangan Penyertaan
1	Semak 4 bulan (120 hari) tempoh peletakan	✓	RM300K	30
2	Semak Kelayakan Hadiah Terjamin	✗		
3	Semak MAB Bertambah untuk bulan:			
	➤ Februari 2024	✓	+RM500K	100
	➤ Mac 2024	✗	RM0	
	➤ April 2024	✗	RM0	
	➤ Mei 2024	✓	+RM500K	100
4	Semak Transaksi Masuk			
	➤ Februari 2024	✗	RM0	
	➤ Mac 2024	✗	RM0	
	➤ April 2024	✗	RM0	
	➤ Mei 2024	✓	RM10K	2
5	Pelanggan baru dan sedia ada RHB Premier/Joy@Work	✓		10
	Total Entries			242

Pelanggan D berpeluang memenangi Hadiah Utama/Hadiah Saguhati dengan 610 penyertaan (penempatan pegangan pertama) dan 242 penyertaan (penempatan pegangan kedua) termasuk penyertaan bonus. Hadiah yang terjamin adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat.

Senario 5: Pelanggan yang sedia ada memegang penempatan ke dalam ASAS/i pada 15 Mei 2024 berjumlah RM100,000 dan seterusnya menarik balik penempatan pegangan pada 2 Ogos 2024.

Pelanggan E Bulan Penyertaan	1: Pemegangan peletakan		2: Kelayakan Hadiah Terjamin	3 : Penyertaan Bonus					Premier / Joy@ Work [D]	Jumlah Penyertaan [E] = [A]+[B]+[C]+[D]			
	Pemegangan peletakan ASAS/i	Bilangan Penyertaan [A]		Baki MAB Tambahan			Transaksi Masuk						
				MAB @ bulan sebelumnya	Bulan	MAB Bulan Semasa	Baki MAB Tambahan	Bilangan Penyertaan [B]			Bulan	Jumlah Transaksi Masuk	Bilangan Penyertaan [C]
Mei-24	RM100K	10	Tidak	RM30K	Mei-24	RM100K	RM70K	14	Mei-24	RM0	0	0	Tidak Layak
				RM100K	Jun-24	RM18K	RM0	0	Jun-24	RM0	0		
				RM18K	Jul-24	RM20K	RM2K	0	Jul-24	RM0	0		
Pelanggan menarik balik pemegangan peletakan RM100K pada 2 Ogos 2024													

Pelanggan E TIDAK layak untuk Kempen ini kerana menarik balik pemegangan peletakan awal.

GANJARAN-GANJARAN KEMPEN

12. Peserta-Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen akan berpeluang memenangi ganjaran-ganjaran / hadiah-hadiah berikut (setiap satu "**Ganjaran Kempen**"):-

Kategori Ganjaran Kempen	Jumlah Pemenang	Ganjaran Kempen
Hadiah Utama	1	1 unit Jam Tangan Mewah bernilai RM89,000
Hadiah Saguhati	2	1 unit Jam Tangan Mewah bernilai RM69,000
Hadiah Bulanan	5	1 unit Jam Tangan Mewah bernilai RM58,000
Jumlah Pemenang	8	

Peserta Yang Layak akan mendapat satu (1) Hadiah Terjamin setelah memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di bawah:

Pemegangan peletakan ASAS/i minima	Tempoh Pemegangan Amaun	Dana Baru	Dana Sedia Ada	Deskriptif Hadiah Terjamin
Minima RM1,000,000	4 bulan (120 hari)	✓	×	1 unit 5 gram 999.9 Jongkong Emas bernilai RM2,130*

*Nilai adalah berdasarkan harga emas pada 19 Disember 2023. Nilai Hadiah Terjamin adalah tertakluk kepada turun naik harga emas pasaran semasa.

Nota:

- Jumlah Hadiah Terjamin terhad kepada 200 unit sahaja berdasarkan siapa cepat dia dapat.
- Peletakan pegangan ASAS/i minima RM1,000,000 mestilah dalam **satu peletakan** dengan dana baharu sahaja. Peletakan berasingan / kumulatif TIDAK dibenarkan.
- Setiap Peserta yang Layak berhak mendapat satu (1) Hadiah Terjamin sepanjang tempoh kempen.

SYARAT-SYARAT PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN GANJARAN

13. Setiap Peserta Yang Layak mempunyai peluang untuk memenangi maksimum satu (1) hadiah utama / hadiah saguhati dan satu (1) hadiah bulanan secara keseluruhan sepanjang Tempoh Kempen.

14. Peruntukan hadiah disenaraikan seperti jadual di bawah:

Hadiah	Bulan Kempen	Hadiah Kempen
Hadiah Utama / Hadiah Saguhati	1 Januari – 31 Mei 2024	<p><u>Hadiah Utama</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 unit Jam Tangan Mewah bernilai RM89,000 x 1 pemenang • 1 unit Jam Tangan Mewah bernilai RM69,000 x 2 pemenang <p>3 pemenang kesemuanya sepanjang Tempoh Kempen</p>
Hadiah Bulanan	<p><u>Bulan 1:</u> 1 Januari – 31 Januari 2024</p> <p><u>Bulan 2:</u> 1 Februari – 29 Februari 2024</p> <p><u>Bulan 3:</u> 1 Mac – 31 Mac 2024</p> <p><u>Bulan 4:</u> 1 April – 30 April 2024</p> <p><u>Bulan 5:</u> 1 Mei – 31 Mei 2024</p>	<p><u>Hadiah Bulanan</u> 1 unit Jam Tangan Mewah bernilai RM58,000 x 1 pemenang untuk setiap bulan.</p> <p>5 pemenang kesemuanya sepanjang Tempoh Kempen</p>

15. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:

- i) Setiap Penyertaan Kempen akan diberikan dengan nombor siri oleh sistem pemilihan rawak berkomputer RHB.
- ii) Semua Peserta yang layak akan disenarai pendek melalui sistem pemilihan rawak berkomputer. RHB akan melaksanakan proses rawak dan memilih nama dari keputusan tersebut. Proses ini akan diulang untuk mendapatkan senarai pemenang yang berpotensi pada setiap Kategori Ganjaran Kempen.
- iii) Apabila memperoleh senarai pemenang yang berpotensi seperti dinyatakan di atas, RHB akan menghubungi pemenang berpotensi bermula dengan nama pertama yang diperoleh daripada proses pemilihan rawak berkomputer yang dinyatakan di Klausula 15(i) di atas.
- iv) RHB akan memilih satu (1) Pemenang Hadiah Utama, dan kemudiannya dengan baki dua (2) Pemenang Hadiah Saguhati
- v) RHB akan memilih satu (1) pemenang Hadiah Bulanan pada setiap bulan.
- vi) Sekiranya dihubungi oleh RHB atau wakilnya yang telah dilantik untuk melakukan pengesahan, Peserta yang layak yang disenarai pendekkan perlu menjawab satu soalan berkaitan iklan Kempen dengan betul untuk dipilih sebagai pemenang (“Pemenang”).
- vii) Sekiranya Peserta yang layak yang disenarai pendekkan gagal menjawab telefon atau menjawab dengan betul atas apa-apa alasan sekalipun, atau jika pengesahan gagal dilakukan, Peserta yang layak yang disenarai pendek dibatalkan kelayakannya dan RHB atau wakilnya yang dilantik berhak memilih Peserta yang layak yang disenarai pendekkan seterusnya apabila perlu.
- viii) RHB akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama / Hadiah Saguhati yang berpotensi semasa waktu bekerja dari Isnin hingga Jumaat, 9.15 pagi hingga 5.00 petang tidak termasuk Cuti Wilayah Persekutuan dan Cuti Umum. Sekiranya percubaan pertama untuk menghubungi gagal disebabkan oleh sebab-sebab seperti panggilan tidak terjawab, nombor mudah alih tiada dalam perkhidmatan, tiada rangkaian atau apa-apa sebab sedemikian, Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan pada masa yang tersedia seterusnya mengikut budi bicara Bank. Jika percubaan terakhir juga gagal, maka Peserta yang Layak yang disenarai pendek akan hilang kelayakan.

- Peserta yang Layak yang disenarai pendek yang seterusnya dari senarai Peserta yang Layak yang disenarai pendek akan dihubungi.
- ix) Setiap Peserta yang Layak memenangi satu (1) Hadiah Utama atau Hadiah Saguhati sepanjang Tempoh Kempen. Pemenang yang sama untuk Ganjaran Kempen adalah tidak dibenarkan. Semua Pemenang akan dimaklumkan oleh RHB sama ada secara bertulis, melalui telefon atau dengan menyiarkan senarai pemenang di laman web RHB.
16. Kriteria Kelayakan Peserta yang layak adalah berdasarkan kepada pemenuhan syarat peletakan minima ASAS/-i dan Tempoh Pemegangan ASAS/-i dan juga budi bicara Bank.
17. Transaksi-Transaksi Yang Layak dijejaki berdasarkan tarikh dan masa transaksi mengikut Waktu Piawai Malaysia (*Malaysia Standard Time*) dan mesti tampil dalam sistem RHB untuk diambil kira dalam bilangan Transaksi Yang Layak dan Penyertaan Kempen.
18. Hanya pemegang-pemegang akaun utama yang layak bagi akaun RHB CASA/-i yang sah dan aktif, yang tidak ditutup atau tidak dorman atau ditamatkan atau disekat pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan sebelum penerimaan Hadiah Kempen, layak untuk menyertai Kempen ini dan untuk memenangi Hadiah Kempen. Jika pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan/atau sebelum penerimaan Hadiah Kempen, akaun RHB CASA/-i menjadi dorman atau ditutup, ditamatkan atau disekat atas apa jua sebab, pemegang akaun utama RHB tersebut RHB CASA/-i akaun akan digugurkan daripada Kempen ini dan akan digantikan oleh Peserta Yang Layak berikutnya.
19. Pemenuhan Hadiah Kempen:
- i. Pemenuhan Hadiah Utama, Hadiah Saguhati dan Hadiah Bulanan akan ditentukan seperti berikut :-

Penerangan	Pemenuhan Hadiah Kempen
Tempoh Kempen	1 Januari 2024 hingga 31 Mei 2024
Pengumuman Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati	Oktober 2024
Pemenuhan Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati	November 2024
Pemenuhan Pemenang Hadiah Bulanan	Dari Julai 2024 hingga November 2024 (Asas bulanan)

- ii. Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah, yang di mana tarikh, masa dan tempat akan dimaklumkan oleh RHB. Kos pengangkutan, penginapan, perbelanjaan peribadi dan kos-kos lain untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
- iii. Untuk akaun bersama, Peserta yang Layak adalah pemegang utama ASAS/-i.
- iv. Setiap Peserta yang Layak layak mendapat satu (1) Hadiah Utama ATAU Hadiah Saguhati di bawah Kempen ini. Ganjaran Kempen hanya boleh ditebus daripada cawangan wakil yang dilantik di Malaysia lapan (8) hingga dua belas (12) minggu selepas Disember 2024.
- v. Hadiah Bulanan akan dipenuhi tertakluk kepada Peserta yang Layak melengkapkan Tempoh Pegangan selama 120 hari [empat (4) bulan] sepanjang Tempoh Kempen. Setiap Peserta yang Layak layak mendapat satu (1) hadiah Hadiah Bulanan sepanjang Tempoh Kempen. Sekiranya pemenang Hadiah Bulanan menarik balik tempoh penahanan pada bila-bila masa dan/atau antara kitaran terakhir 120 hari [empat (4) bulan] tempoh penahanan selepas pengumuman pemenang, pemenang tidak akan berhak menerima hadiah. Pemenang Hadiah Bulanan yang berpotensi dalam baris seterusnya yang telah melengkapkan 120 hari [empat (4) bulan] tempoh pegangan daripada senarai Pemenang Hadiah Bulanan yang berpotensi akan menjadi pemenang.
- vi. Untuk mengelakkan keraguan, bulan untuk Kempen ditetapkan seperti berikut:

Tempoh	Bulan Kempen
1 Januari 2024 hingga 31 Januari 2024	Januari 2024
1 Februari 2024 hingga 29 Februari 2024	Februari 2024
1 Mac 2024 hingga 31 Mac 2024	Mac 2024
1 April 2024 hingga 30 April 2024	April 2024
1 Mei 2024 hingga 31 Mei 2024	Mei 2024

- vii. Hadiah Bulanan dan Hadiah Terjamin hanya boleh ditebus daripada cawangan wakil Ganjaran Kempen yang telah dilantik di Malaysia lapan (8) hingga dua belas (12) minggu selepas tempoh matang Pegangan ASAS/-i Tempoh.
 - viii. Surat rasmi akan dikeluarkan kepada Peserta yang Layak dalam tempoh untuk tujuan penebusan. Sekiranya Peserta yang Layak tidak mengambil Hadiah Terjamin dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh surat rasmi, Hadiah Terjamin akan dibatalkan kelayakannya.
 - ix. Sekiranya Peserta Yang Layak menarik balik jumlah pegangan / tidak melengkapkan tempoh 120 hari [empat (4) bulan] penempatan pegangan dalam Tempoh Kempen, penyertaannya dalam Kempen menjadi terbatal dan tidak sah berkuat kuasa serta-merta.
20. Jika Agensi Yang Dilantik tidak dapat membekalkan hadiah utama, RHB boleh menggantikan hadiah-hadiah utama dengan hadiah-hadiah lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberi notis terdahulu yang mencukupi kepada pemenang-pemenang hadiah utama seperti yang dinyatakan dalam Klausa 22(b)(ii) di bawah
21. RHB boleh mendedahkan atau menerbitkan nama-nama dan 4 angka terakhir nombor kad pengenalan pemenang-pemenang dalam media untuk tujuan mengumumkan pemenang-pemenang Kempen ini.
22. RHB tidak bertanggungjawab untuk memenuhi jumlah keseluruhan pemenang jika semua percubaan untuk memilih pemenang telah dilakukan.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

23. Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:-
- (a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-
 - (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau
 - (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, Bank tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
 - (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-
 - (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;

- (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service* (“SMS”)) atau Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message* (“EDM”)) kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
- (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
- (c) visual-visual ganjaran atau hadiah (setiap satu “**Ganjaran Kempen**”) dan semua benda lain yang ditunjukkan dalam semua bahan dan penerbitan yang berkaitan dengan Kempen ini dan di laman web RHB adalah untuk tujuan-tujuan ilustrasi dan hiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran-Ganjaran Kempen ini;
 - (d) beliau tidak dibenarkan memilih warna atau reka bentuk Ganjaran Kempen (jika Ganjaran Kempen itu adalah sesuatu barang);
 - (e) Ganjaran-Ganjaran Kempen itu tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang bentuk pembayaran monetari lain;
 - (f) RHB dan/atau penjual, pembekal atau ejen yang dilantiknya boleh menggantikan Ganjaran-Ganjaran Kempen itu dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi dengan sebab(-sebab) untuk penggantian tersebut mengikut cara yang ditetapkan dalam Klausa 23 (b)(ii) di atas;
 - (g) mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
 - (h) RHB tidak bertanggungjawab ke atas keadaan atau sebarang kehilangan atau kerosotan atau kerosakan pada Ganjaran-Ganjaran Kempen setelah diterima oleh Peserta-Peserta Yang Layak.

Peserta-Peserta Yang Layak dinasihatkan untuk menyemak keadaan Ganjaran Kempen masing-masing sebelum menerima Ganjaran Kempen yang sama (jika Ganjaran Kempen adalah sesuatu barang);

- (i) beliau bertanggungjawab ke atas semua cukai dan yuran dan caj lain yang dikenakan terhadapnya di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, untuk penerimaan Ganjaran Kempen;
- (j)
 - (i) RHB dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Peserta-Peserta Yang Layak untuk mentadbir Kempen;
 - (ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta-Peserta Yang Layak telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB; dan
 - (iii) mana-mana Peserta-Peserta Layak yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB dikehendaki memaklumkan RHB dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;

- (k) beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB

E-mel : customer.service@rhbgroup.com

Telefon No. : +603-9206 8118

Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (l) gambar-gambar/imej-imej berserta nama-nama Pemenang Ganjaran Kempen boleh digunakan dalam pengumuman RHB tentang Pemenang-Pemenang Ganjaran Kempen;
- (m) RHB tidak bertanggungjawab ke atas ketidakterimaan, atau sebarang kelewatan dalam penerimaan, sebarang Ganjaran Kempen Pemenang Ganjaran Kempen yang disebabkan oleh:-
- (i) penggantungan atau penamatan Kempen ini menurut Klausula 23(b)(i)(1) di atas;
 - (ii) tindakan Pemenang Ganjaran Kempen sedemikian atau tidak bertindak; atau
 - (iii) oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tindakan keganasan yang tidak dikaitkan dengan RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya;
- (n) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta Yang Layak;
- (o) beliau boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;
- (p) jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-
- (i) produk(-produk) perbankan, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Skim Ombudsman Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Ombudsman bagi Perkhidmatan Kewangan (OFS)

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

No. Telefon: +603-2272 2811

No. Faksimili: +603-2272 1577

E-mel: enquiry@ofs.org.my; atau

- (ii) produk(-produk) unit amanah, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia:-

Alamat: Unit A-9-1, Level 9, Tower A

**Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur
+603-2282 2280
+603-2282 3855
info@sidrec.com.my;**

**No. Telefon:
No. Faksimili:
E-mel:**

- (q) Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Perbankan Peribadi yang boleh didapati di https://www.rhbgroup.com/files/others/terms-conditions/personal_banking_tnc_bm.pdf ; dan
- (r) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunapakai bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.